

Ucapan : Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]  
Tajuk Ucapan : Memohon Kerajaan Menyelidik Dan Mengambil Tindakan Segera Perkara Berkaitan Projek RTB Lembangan Sungai Kerian  
Tarikh Ucapan : 16 Ogos, 2018 (Khamis)  
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Tuan Yang di-Pertua,

Projek RTB Lembangan Sungai Kerian bermula Mac 2012 dengan bajet RM490 juta melibatkan Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Di Perak, projek ini siap pada bulan Januari 2016. Projek ini telah mengurangkan 75% masalah banjir yang dialami selama ini. Limpahan air dari Sungai Kerian dan Sungai Kurau yang menyebabkan banjir tidak berlaku lagi. Objektif utama projek ini untuk beri perlindungan dari banjir dengan 20 ARI tercapai.

Kampung-kampung seperti Kampung Ban Pisang, Alor Setanggok, Parit Simpang 4 dan Parit Simpang 5 terselamat dari banjir. Walau bagaimanapun, banjir kilat sering berlaku bila hujan lebat berterusan di kawasan tadahan air Tasik Bukit Merah. Aliran ini ini bertakung dan susah untuk mengalir keluar disebabkan paras air sungai yang tinggi. JPS Kerian telah mengenal pasti kaedah-kaedah menyelesaikan masalah ini dengan pelan menyediakan pam kekal, menambah ketinggian ban-ban dan membaikpulih ban-ban yang ada mendapan serta menaik taraf pintu-pintu kawalan air.

JPS Kerian juga telah memohon peruntukan tambahan dalam RMK 11 'Rolling Plan' ke- 4 untuk projek RTB Sungai Kurau dan Sungai Samagagah-Sungai Beriah berjumlah RM22.385 juta.

Apakah tindakan Kementerian atas permohonan ini demi membantu rakyat di Parlimen Bagan Serai yang resah dengan masalah yang berterusan mengganggu gugat aktiviti harian mereka serta pendapatan untuk meneruskan hidup

Sekian, terima kasih

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan Bagan Serai dan juga beberapa daerah lain di Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

Projek ini yang melibatkan lembangan Sungai Kerian di sebelah Perak dan Kedah sebahagian besarnya telah siap dilaksanakan pada tahun 2017 dan hanya projek di sebelah Pulau Pinang dijangka akan siap pada tahun ini. Projek tersebut telah bermula pada tahun 2012 yang pada asalnya melibatkan kos sebanyak RM490 juta tetapi ianya meningkat kepada RM575 juta disebabkan oleh peningkatan kos pengambilan balik tanah.

KATS juga telah memohon peruntukan dalam *Rolling Plan* ke-4 RMKe-11 bagi mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di beberapa kawasan lain di dalam Lembangan Sungai Kerian, Sungai Kurau dan Sungai Samagagah - Sungai Beriah yang masih dalam pertimbangan.

Sekian, terima kasih

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Projek Rancangan Tebatan banjir Khas di bawah Inisiatif Pembiayaan Khas Swasta II (PFI II)

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Negeri</b>	<b>Peruntukan Siling (RM)</b>	<b>Catatan</b>
<b>Rancangan Tebatan Banjir - Kerian</b>				
1	Rancangan Tebatan Banjir Khas – Kolam Bukit Merah, Perak	Perak	44.6 juta	Terdapat 6 pakej di bawah projek ini. Semua projek telah siap dilaksanakan
2	Rancangan Tebatan Banjir Khas – Sungai Kurau	Perak	133.055 juta	Terdapat 7 pakej di bawah projek ini. Semua projek telah siap dilaksanakan
3	Rancangan Tebatan Banjir Khas – Lembangan Sungai Kerian (Perak)	Perak	202.2 juta	Terdapat 15 pakej di bawah projek ini. Semua projek telah siap dilaksanakan

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Negeri</b>	<b>Peruntukan Siling (RM)</b>	<b>Catatan</b>
4	Rancangan Tebatan Banjir Khas – Lembangan Sungai Kerian (Kedah)	Kedah	97.745 juta	Terdapat 15 pakej di bawah projek ini. Semua projek telah siap dilaksanakan
5	Rancangan Tebatan Banjir Khas – Lembangan Sungai Kerian (Pulau Pinang)	Pulau Pinang	97.4 juta	Terdapat 2 pakej di bawah projek ini. 1 pakej telah siap dilaksanakan & 1 pakej lagi dalam pelaksanaan.
<b>Jumlah</b>			<b>575 Juta</b>	